

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 3 RABU 19 JANUARI 1972 1391 رابو 2 ذوالحججه PERCHUMA



Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara kelihatan sedang mengalu2kan ketibaan Awang Gautrey di-lapangan terbang Berakas.

P'JAYA TINGGI BRITISH DI-BRUNEI YANG BARU TIBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei yang baru, Awang Peter Gautrey telah tiba di-sini pada hari Isnin lepas.

Awang Gautrey yang di-sertai oleh isteri-nya telah tiba di-lapangan terbang Berakas pada jam 4.40 petang dengan menaiki kapal terbang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari Singapura.

Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa telah mengalu2kan ketibaan Pesuruhjaya Tinggi yang baru itu di-lapangan terbang Berakas.

Turut juga mengalu2kan ketibaan Awang Gautrey dan isteri-nya ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof, Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ahli2 Yang Berhormat, Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbir Kerajaan.

Sa-jurus ketibaan-nya, Awang Gautrey telah memeriksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari sa-pasokan Askar Melayu Diraja di-bawah perintah Major Sulaiman bin Awang Damit.



Awang Peter Gautrey sedang memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari satu pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sa-jurus ketibaan beliau di-lapangan terbang Berakas pada hari Isnin.

SA-RAMAI 20 orang guru yang di-pinjamkan dari Kerajaan Republik Singapura telah tiba di-Brunei pada minggu lalu. Mereka akan berkhidmat dengan Kerajaan Brunei selama dua tahun. Kesemua mereka itu akan mengajar di-Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit di-Bandar Seri Begawan. Gambar bawah menunjukkan 10 dari 20 orang guru yang di-pinjamkan itu bergambar ramai sa-jurus ketibaan mereka lapangan terbang Berakas. — Gambar JHEU/BP.

AMDB hendak-lah di-beritahu segala pergerakan di-pendalaman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan telah menyeru ketua2 jabatan supaya menyatakan dengan bertulis segala pergerakan pegawai2 mereka yang menjalankan tugas di-dalam kawasan pendalaman kepada pasokan Askar Melayu Diraja Brunei atau Pulis Diraja Brunei, bagi

mengelakan sa-barang kejadian yang tidak di-ingini.

Seruan yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Setia Usaha Kerajaan itu adalah berikutan satu rombongan pegawai2 yang di-jumpai oleh sa-pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sedang menjalankan kerja dalam kawasan di-Selatan Batang Duri.

Pergerakan rombongan itu tidak di-ketahui oleh Askar Melayu Diraja dan sa-telah disisat di-dapati bahawa Pegawai Daerah Temburong atau pehak Pulis telah tidak di-beritahu.

Setia Usaha Kerajaan itu berkata, salinan pemberitahuan dengan bertulis itu juga hendak-lah di-kirimkan kepada beliau dan Pegawai Daerah yang berkenaan.

Alamat perhubungan bagi kenyataan itu hendak-lah dibuat kepada Pegawai Perisik, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Khemah Berakas, Brunei dan Pegawai Penguasa Kawalan Gerakkan, Ibu Pejabat Pulis Diraja, Brunei.



Beberapa tujuan asas penubuhan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan

MAKTAB ini ada-lah salah satu daripada projek besar Jabatan Hal Ehwal Ugama semasa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan menjadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri ini, yang mana Baginda telah memperkenankan-nya dalam bulan Januari, 1964. Titah perkenan itu di-junjung dengan penuh tanggung jawab oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kamaluddin yang kini bergelar Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota yang pada ketika itu memegang jawatan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama. Yang Amat Mulia itu terus berusaha bagi melaksanakan titah perkenan yang telah di-junjung-nya. Maka pada 8hb. Julai, 1968 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Hassanah Bolkiah Mu'izzuddin Waddaullah telah berkenan meletakkan batu asas Maktab ini. Perletakan batu asas itu ada-lah salah satu dari sa'at2 yang gembira bagi Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota sa-bagai Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama kerana titah yang di-junjung-nya telah bermula sa'at pembena-annya.

Hari ini, saya hanya-lah sa-bagai orang yang menyambong usaha2 yang telah lalu, sa-bagai menyambong usaha2 yang tekun dan tak mengenal penat dan lelah bagi menjunjung titah perintah daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Tugas yang mula2 saya lakukan mengenai dengan Maktab ini ialah mencari sa-orang Pengetua-nya. Alhamdulillah dengan pertunjukan Allah jawatan yang penting itu telah dapat di-isi. Yang membanggakan ia-lah pegawai tersebut terdiri daripada warga negara Brunei sendiri yang kebolehan-nya telah terbukti di-negeri ini.

Sabener-nya, banyak tenaga yang telah di-churahkan oleh Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai2 dari Jabatan Pelajaran Negara bagi memikirkan chara2 pelaksanaan Maktab ini, khas-nya dari segi pentadbiran dan akademik-nya. Tenaga2 ini bekerja sa-chara senyap2. Saya menguchapkan terima kasih kepada semua mereka yang berkenaan itu dan saya menuntun ma'af kerana tidak dapat menyebutkan nama2 mereka satu persatu kerana terlalu banyak. Dan, ini sabener-nya ada-lah satu bukti bahawa pentadbiran Kerajaan akan lebeh lichen dan lebeh mendatangkan hasil yang berkeabajikan dengan ada-nya kerjasama yang erat antara satu sama lain.

Saya berfikir ada baik-nya pada sa'at yang bersukut ini saya nyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan supaya Maktab ini di-namakan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, dan Baginda juga telah memperkenankan satu peraturan bagi Maktab ini yang di-namakan sa-bagai Peraturan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei 1971.

Di-dalam Peraturan tersebut telah di-maktubkan supaya tujuan Maktab ini seperti berikut:

Pada permulaan-nya Maktab ini akan merupakan satu Maktab Perguruan Rendah, tetapi ia akan beransor2 di-bentok menjadi sa-buah Maktab Perguruan Menengah dan Pusat Pengajian Tinggi. Memandang keadaan yang demikian, maka tujuan2 Maktab ada-lah seperti berikut:

(i) Tujuan am Maktab ini ialah untuk melateh dan mengadakan Guru2 Ugama yang layak lagi sesuai bagi mengajar mata2 pela-

jaran Ugama, khas-nya di-sekolah2 dan am-nya di-lain2 yayasan di-negeri ini yang memerlukan ajaran Ugama Islam, dengan tujuan membentuk satu rupa bangsa yang mempunyai Ugama Islam sa-bagai asas masyarakat mengikut aliran masa dan mendukung Perlembagaan Negeri Brunei Darussalam.

(ii) Maktab juga akan mengadakan beberapa kursus yang lain bagi melateh dan melayakan pegawai2 dalam lapangan2 seperti perguruan membacah Qur'an, Mubaligh dan saumpamanya yang harus timbul dari satu masa ka-satu masa dan yang di-jangkakan perlu, dalam soal mana Maktab di-jangka akan menjadi pusat yang boleh menyumbangkan dengan sa-penoh-nya dengan ada-nya kemudahan2 di-situ.

(iii) Maktab ini juga bertujuan mengadakan beberapa kursus pembaharuan dan penyesuaian, bukan sahaja bagi guru2 dalam lapangan mata2 pelajaran Ugama, bahkan juga bagi Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama sendiri. Dalam kursus penyesuaian, bukan-lah satu harapan yang mustahil jika Maktab mengadakan-nya bagi Pegawai2 Kerajaan lain2 Jabatan demi menimbulkan satu fahaman saling mengerti di-antara sa-orang pegawai dengan satu lagi untuk menimbulkan keharmonian dan kecekapan dalam usaha untuk membangun negara dan bagi menuju ka-arrah Islam di-jadikan suatu chara hidup yang lengkap serta Islam di-jadikan Ideology Negara.

(iv) Ada-lah juga menjadi satu harapan besar bahawa Maktab akan maju ka-satu arah yang merupakan ia-nya satu pusat penyelidikan dalam perkara2 Ugama dan perkembangannya terhadap negara ini am-nya.

(v) Bahawa Maktab ini akan terbentok ka-satu peringkat yang maju dan tinggi nilai pelajaran-nya supaya ia boleh bukan saja memberi perkhidmatan kepada pembentukan satu Negara dan masyarakat Brunei yang maju dan dinamis, tetapi boleh dan layak untuk memberi sumbangan perkhidmatan di-lain2 negara di-rantau ini dalam lapangan Ugama.

(vi) Untuk menchapai tujuan di-atas, molek-lah di-ambil perhatian ia-itu Maktab

ini mesti-lah menchapai satu darjah (standard) pengajaran yang tinggi dari awal lagi, dan dengan terchapai-nya darjah ini ia-nya bukan sahaja mesti di-selenggarakan terus tetapi usaha2 patut-lah di-tumpukan bagi memperbaiki dan meninggikan darjah pengajaran ini.

Dalam Peraturan itu di-adakan satu peruntokkan supaya di-tubuhkan sa-buah Majlis Maktab yang anggotanya akan di-lantek oleh Baginda, dan tujuan Majlis Maktab itu ada-lah seperti berikut:

(i) Hendak-lah Majlis Maktab menolong dan menasihatkan Pengetua dalam segala perkara yang berkenaan dengan Maktab khas-nya bertanggung jawab bagi menchapai tujuan Maktab.

(ii) Merancang dan mengawasi perjalanan Maktab supaya sentiasa lancar dan mempunyai mutu yang tinggi.

(iii) Meluluskan penerimaan, pengantongan dan pembuangan penuntut2.

(iv) Mensahkan keputusan2 pepereksaan dan pemberian serta pengeluaran Diploma dan Sijil menurut peraturan-nya.

(v) Menimbang dan membuat sokongan mengenai tindakan tata tertib terhadap Penserah2 dan Pegawai2 Maktab.

(vi) Meluluskan sukatan pelajaran.

Peruntokkan juga di-buat supaya di-adakan satu Jawatan Kuasa Akademik yang bertanggung jawab lebeh banyak dalam bidang akademik Maktab ini, dan untuk memimpin penuntut2. Penuntut2 pula akan di-adakan Jema'ah Kebajikan Penuntut supaya penuntut2 ini akan mendapat pimpinan dalam kegiatan2 mereka yang berkeabajikan.

Mengenai dengan tenaga pengajar di-Maktab ini, kita telah mengeluarkan iklan bagi menjemput pemohon2 yang berkelayakan dari dalam dan luar negeri, permohonan2 telah di-terima, maka usaha2 selanjut-nya akan menyusul.

Maka bagi memulakan kursus ini, kita telah mendapat kerjasama dari Jabatan Pelajaran Negara dengan membenarkan beberapa tenaga2 pengajar untuk berkhidmat di-Maktab ini sa-chara sambilan. Sekali lagi saya menguchapkan terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Negara yang sanggup memberikan pertolongan untuk menjayakan tujuan Maktab ini.

SATU majlis do'a selamat kerana memulakan kursus penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah di-adakan di-maktab itu pada 9 Januari, 1972 yang lalu.

Uchapan khas yang menyentoh kepada dasar2 penubuhan maktab itu telah di-sampaikan di-majlis itu oleh Pengetua Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Memandang kepada penting-nya di-ketahu, sama ada oleh penuntut2 maktab, guru2 dan pendudok negeri ini akan dasar penubuhan itu, maka berikut ini di-siarkan ucapan beliau itu. — Pengarang.

TARAF KELULUSAN MAKTAB

Saya perchaya ada-lah menjadi pertanyaan orang ramai bagaimana dengan taraf kelulusan Maktab ini. Di-sini ingin-lah saya menjelaskan bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenankan satu peraturan lain yang di-namakan sa-bagai Peraturan Alaan Penuntut, Tangga Gaji Lepasan Maktab dan Alaan Mengajar Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Brunei 1971.

Dalam Peraturan tersebut telah di-peruntokkan satu susunan tangga gaji penuntut2 yang lulus dari Maktab ini, yang mana tangga gaji itu dan kemasokan lulusan Maktab ini yang kelayakan-nya sama dengan Maktab Perguruan yang lebeh tua umur-nya di-negeri ini ka-tangga gaji tersebut ada-lah tidak kurang dari lulusan Maktab tersebut, kerana kelulusan2 yang di-terima masuk Maktab ini dan juga tangga gaji lepasan-nya adalah berpandu kepada Maktab Perguruan yang menjadi saudara tua kepada Maktab ini di-negeri ini.

Saya tidak fikir buat masa ini saya perlu mengulangi lagi mengenai dengan mustahak-nya Maktab ini di-dirikan di-negara kita yang terhinta ini, kerana perkara tersebut telah pernah saya perkatakan dalam satu tanya jawab melalui Radio Brunei dalam bulan Jun 1971 yang lalu.

Masa'alih yang di-hadapi sekarang ini ia-lah bagaimanakah chara-nya supaya tujuan2 yang termaktab dalam Peraturan Maktab ini dapat di-chapai. Perkara ini sangat-lah berat. Walau bagaimana pun saya perchaya Majlis Maktab yang akan di-lantek menurut Peraturan tersebut akan membincangkan perkara ini, dan Pengetua Maktab ini serta tenaga2 pengajar-nya akan menjalankan tugas mereka dengan penuh jujur dan penuh kesopanan, di-samping Pegawai2 di-Jabatan Hal Ehwal Ugama yang terlibat dengan tugas2 Maktab ini akan sentiasa memberikan perhatian yang berat mengenai-nya.

Dalam pada itu satu masa'alih penting ia-lah penuntut2 Maktab ini. Kapada penuntut2 Maktab ini saya ingin menyatakan bahawa pada peringkat pertama ini Maktab ini akan menjalankan dua tugas atau dua jenis kursus.

Pertama-nya ia-lah kursus bagi melayakkan Guru2 Ugama Pelateh yang ada sekarang ini menjadi Guru2 Ugama Yang Terlateh. Guru2 Ugama Pelateh itu ia-lah mana2 yang mempunyai Sijil SRP atau tidak mempunyai-nya. Dalam pada itu mana2 Guru2 Ugama Pelateh yang mempunyai Sijil SPM maka mereka itu akan mengikuti kursus yang kedua yang mana penuntut2 kursus yang kedua ini akan terdiri daripada penuntut2 yang mempunyai sijil SPM atau yang sa-banding dengan-nya ter-

(Lihat Muka 3)

RASSULULLAH s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: "Pelihara-lah Allah neschaya engkau dapati Allah di-hadapan engkau, kenal-lah kapada Allah pada masa lapang, neschaya Allah kenal engkau masa engkau dalam kesusahan".

Dalam hadith Rasulullah s.a.w. ini tidak menjelaskan kan bagaimana chara-nya memelihara Allah itu, tetapi setengah yang kita sendiri ketahui bahawa pengertian memelihara Allah itu termasuklah memelihara hukum2-nya, hak2nya, perintah-nya, larangan-nya dan mengerjakan segala apa jua surohan-nya dan meninggalkan segala larangan-nya sesuai dengan ajaran2 Ujama Islam.

Di-antara perkara2 yang wajib di-pelihara dengan sempurna-nya ia-lah sembahyang yang mana perkara tersebut merupakan tiang ugama. Memelihara anggota dari melakukan perkara2 yang haram, maka barang siapa yang memelihara Allah dengan sempurna-nya, maka sudah tentu Allah Subhanahu-wataala akan memelihara orang itu.

MENGENALI ALLAH BUKAN-LAH SEKADAR MENGETAHUI NAMA-NYA



KHUTBAH JUMA'AT

Banyak chara Allah Subhanahu-wataala memelihara manusia, antara-nya Allah memelihara sa-seorang itu dalam urusan kepentingan hidup di-dunia saperti memelihara badan, harta, keluarga dan lain2 dari sebarang bahaya dan juga Allah memelihara sa-seorang itu dalam jurusan ugama dan iman dari di-nodai' oleh perkara2 yang boleh menchachatkan keimanan dan keagamaan sa-seorang itu hingga ka-akhir hayat. Tentu-nya pemeliharaan saperti ini terlalu banyak hubongan-nya dengan takwa atau amal salih yang di-kerjakan dengan sa-ikhlas-nya.

Ada pun pengertian "meme-

lihara Allah neschaya engkau dapati Allah di-hadapan engkau" termasuklah memelihara sa-orang sa-bagaimana yang telah di-nyatakan tadi yang mana bukan sahaja Allah akan memelihara-nya, tetapi juga senentiasa berada di-hadapan-nya ia-itu ada beserta-nya dimana saja dia pergi dan diberi-nya pertolongan serta dalam kawalan-nya, bahkan lebeh dari itu Allah akan memberikan kapada-nya pertunjokka-jalan yang lurus. Maka orang yang mendapati diri-nya dalam pemeliharaan Allah ada-lah selalu dalam keadaan tenang dan gembira dan tidak merasa takut atau gentar ka-

pada sa-barang mahlok.

Mengenali Allah bukan-lah sekadar mengetahui nama-nya dan sifat-nya, bahkan meliputi segala usaha dan pekerjaan yang di-suroh-nya dan meninggalkan larangan-nya, segala2-nya itu hendak-lah di-usahkan bukan saja di-masa susah bahkan hendak-lah di-laksanakan pada masa lapang semasa hidup keadaan tenang dan tenteram.

Telah menjadi kebiasaan pada sa-tengah2 orang bahawa mereka baru-lah ingatkan Allah apabila di-timpa oleh kesusahan dan kesengsaraan, mereka tergesa2 mengerjakan ibadat atau berzikir, berdo'a, bernazar bagi maksud untuk melepaskan diri daripada kesusahan dan kesengsaraan itu.

Sa-benar-nya mengenal Allah pada masa senang amatlah sukar, kerana manusia yang hidup dalam suasana yang sa-demikian terlampau banyak di-pengaruhi oleh berbagai2 kesukaan atau fikiran atau rancangan yang mana sa-hingga tidak ada waktu untuk menghadap Allah, yang demikian boleh menjadikan pengaruh hidup senang itu menjadikan lalai dan chuai daripada mengingati atau mengenal Allah yang menjadikannya.

Oleh yang demikian marilah kita senentiasa ingat dan menunaikan perintah Allah. Ingatan yang sa-demikian bukan hanya di-lakukan di-masa susah bahkan hendak-lah juga di-lakukan di-masa senang, kerana Allah berjanji akan menolong hamba-nya ingat kapada-nya.

Beberapa tujuan asas penubohan Maktab Perguruan Ugama

(Dari Muka 2)

masok-lah nanti Sijil Pelajaran Ugama Brunei yang akan kita perkenalkan kelak, terta'lok kapada sharat2 yang di-tentukan. Kursus yang kedua ini Insha Allah akan di-keluarkan iklan-nya sa-sudah keputusan SPM tahun lepas di-umumkan.

Saya ingin juga menjelaskan bahawa di-samping penuntut2 Maktab ini akan mengikuti mata2 pelajaran yang di-tentukan dalam jadual waktu sa-bagai sa-buah Maktab latihan perguruan, mereka akan mengikuti kursus sivik yang teratur.

Pada tahun 1972 ini, salah satu kursus yang penting yang akan mereka ikuti ia-lah cheramah2 mengenai dengan sejarah Negeri Brunei yang akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri. Cheramah mengenai sejarah Negeri Brunei ini ada-lah merupakan perkara baru yang belum pernah di-chermahkan sa-chara lengkap di-negeri ini setahu saya. Sa-bagaimana yang di-sanggupi oleh Pehin O.K. Amar Diraja, bahawa sejarah tersebut ada-lah berdasarkan hasil usaha pengkajian-nya sa-lama ini.

Saya harap Pengetua Maktab ini akan menjemput pehak2 lain yang di-fikirkan perlu untuk mengikuti cheramah2 tersebut, demi untuk memberi pengetahuan kapada mereka yang berkepentingan.

Kapada penuntut2 di-Maktab ini saya ingin mengingatkan kapada kamu empat perkara:

1. **Melayakkan diri** — kamu hendak-lah melayakkan diri kamu sa-bagai Guru2 Ugama Yang Terlatih dan ini-lah yang menjadi tugas kamu yang utama, dalam pada itu kamu juga akan di-layakkan supaya dapat mengajar satu mata pelajaran umum dengan baik-nya saperti ilmu hisab, ilmu alam, sejarah

dan yang saumpama-nya di-samping kamu akan mempelajari mata2 pelajaran umum yang lain.

2. **Latihan perguruan** — Kamu di-Maktab ini akan di-latihan untuk melayakkan diri kamu sa-bagai Guru yang mempunyai latihan yang chukup kerana lapangan perguruan ada-lah merupakan suatu lapangan iktisad hanya orang2 yang di-latih dalam bidang tersebut akan dapat memainkan peranan-nya dengan berkesan dalam menyampaikan pelajaran dan pengetahuan kapada murid2 dan kamu hendak-lah menunjukkan kechakapan kamu dalam bidang tersebut.

3. **Akhlak** — Kamu hendak-lah mempunyai akhlak yang senunoh sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh ajaran Ugama Islam dan saya fikir tidak-lah perlu saya berchakap lebeh panjang dalam perkara ini kerana telah di-sentuh oleh Penguasa Pelajaran Ugama dalam ucapan-nya tadi.

4. **Menambahkan Pengetahuan dan Pengalaman** — Kamu jangan-lah hanya berharap kapada ilmu pengetahuan yang di-berikan dalam bilek2 kuliah saja bahkan kamu hendak-lah menambahkan ilmu pengetahuan kamu sendiri dengan menggunakan inisiatif sendiri dan kamu hendak-lah menambahkan pengalaman kamu khas-nya dalam bidang perguruan sa-sudah kamu lulus dari Maktab ini.

Saya ada-lah menyedari bahawa kita menghadapi kekurangan buku2 baik dalam bahasa Arab mahupun dalam bahasa Melayu yang memperkatakan sa-chara khusus

dan mendalam mengenai dengan chara2 mengajar dan chara2 penyampaian mata2 pelajaran Ugama menurut kaedah yang sesuai dengan keadaan sekarang ini.

Oleh itu saya berharap supaya Maktab ini akan dapat memainkan peranan-nya bagi berusaha untuk mengisi kekosongan tersebut dengan chara, berusaha mengumpulkan pengetahuan2 dan pengalaman2 Guru2 Ugama yang ada di-negeri ini, di-samping Maktab ini akan sentiasa memikirkan chara2 lain bagi maksud tersebut.

Akhir-nya mari-lah kita berdo'a kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala semoga dengan berlangsungnya Majlis Do'a Selamat bagi memulakan kursus penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan ini, maka Maktab ini akan sentiasa di-beri oleh Allah taufik dan hidayah supaya ia dapat menchapai tujuan2-nya yang suchi dan direzai oleh Allah.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Januari, 1972 hingga ka-hari Selasa 25 Januari, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
19 Jan	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18 6-35
20 Jan	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18 6-35
21 Jan	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
22 Jan	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
23 Jan	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
24 Jan	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
25 Jan	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tenga hhari.

(19th Januari, 1972).

MENSESUAIKAN DIRI

DALAM minggu lepas telah diadakan tiga majlis mengahutuskan kekhidmatan guru2 dari Singapura yang di-pinjarkan berkhidmat dengan Kerajaan Brunei. Dengan kehadiran 20 orang guru baru itu telah menjadikan sa-ramai 40 orang guru dari Singapura sedang berkhidmat di-negeri ini.

Kedatangan mereka itu tidak hanya di-ahutuskan oleh pihak Kerajaan, tetapi juga mereka telah ahutuskan oleh pihak pelajar yang berminat besar untuk berdiri sa-bagai orang2 yang berilmu dan berprestasi dengan iklim negara yang sedang membangun. Majlis2 yang di-adakan itu dapat di-saksikan sa-bagai satu gamelan yang pada guru2 itu yang di-pinta ja-sa mereka atas landasan2 yang ikhlas dan jujur untuk membantu membangun lebel pesni terhadap masyarakat Brunei yang bakal di-pelopori oleh pelajar2 yang di-bawah moham mereka itu nanti.


Sa-bagai orang2 yang baru saja menjelajah ke-ka-negeri2 mana sekali pun, maka ada-lah perkara yang bukan asing jika mereka merasakan sa-samut kepayahan yang timbul dalam berbagi2 segi. Mungkin akan terasa kekokokan dari segi perbezaan kehidupan dan suasana. Namun demikian ia-nya akan dapat di-atasi dengan ada-nya kemahuan untuk mengenal dan memahami keadaan itu.

Kemahiran yang lahir dari dalam majlis2 itu ada-lah merupakan satu buangan yang nyata betapa masyarakat Brunei sentiasa mengahutuskan kepada orang2 yang berprestasi untuk membantu membangun dan menjajalkan jalan2 yang lebih cerah dan tenang, tidak hanya dalam artus pertubuhan ilmu pengetahuan, tetapi juga segi fa-sa-sila masyarakat yang penuh beradab.


Ketelitian yang besar ini juga telah dapat di-tunjukkan dengan ada-nya pemerhatian yang khusus di-adakan untuk pengetahuan guru2 yang berilmu itu yang menyentuh kepada bidang2 yang penting di-ketahui oleh mereka bagi mengenal dekat lagi akan kedudukan negara dan kedudukan apa yang di-ingin dan apa yang di-benchi oleh masyarakat Brunei.

Cheramah adat-istiadat adalah menjadi sandaran utama kepada mereka untuk mengetahui apa yang di-sukai dan apa yang tidak di-sukai oleh masyarakat Brunei itu. Begitu juga cheramah mengenai dengan pentadbiran yang di-berikan itu ada-lah merupakan buangan akan hasrat Kerajaan pada mengamalkan tata-tertip bekerja dan menyandang tugas2 yang di-berikan dengan sempurna.

Sa-bagai orang2 yang berpengalaman dan mahir mengahutuskan masalah majlis2 atau penamat2, kita yakin bahawa guru2 ini telah dapat memahami oerha-sedikit akan perkara2 tersebut dan memudahkan mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan masyarakat dan Negeri Brunei.



Ini-lah jentera pemasak aspal di-Berakas Depot. Jentera yang sa-umpama ini chuma ada dua buah sahaja di-negeri ini, dan yang sa-buah itu di-gunakan bagi pembaikan Lapangan Terbang Antarabangsa di-Berakas dan ia-nya di-punyai oleh Shri-kaat Kejuruteraan Awam Costain Berhad.



Kelihatan dalam gambar ini, lor2 Jabatan Kerja Raya sedang memuat aspal yang di-keluarkan dari jentera pemasak di-Berakas Depot. Jentera2 ini membawa terus aspal itu ka-mana saja pembaikan jalan2 raya di-laksanakan.

PEMBENAAN JALAN RAYA DI-SELUROH NEGERI



Jentera "Barber-green" ia-itu jentera pembubuh aspal yang di-gunakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi pembaikan jalan2 raya di-negeri ini telah dapat mempercepatkan pembaikan itu. Gambar ini menunjukkan jentera itu sedang bertugas dalam masa pembaikan Jalan Mentiri yang sekarang ini boleh di-lalui oleh kenderaan2.

PROJEK pembaikan jalan raya di-seluruh negeri ada-lah di-antara beberapa projek penting yang menjadi tumpuan utama Kerajaan dalam rancangan pembangunan negara.

Sa-bahagian dari tugas2 yang ranchak di-jalankan oleh Jabatan Kerja Raya sekarang ini ia-lah menyempurnakan kedudukan jalan2 raya di-seluruh negeri dengan sistem yang lebih sempurna dan terator.

Jabatan Kerja Raya mempunyai tanggung-jawabka-atas 290 batu jalan raya yang menjalar dari Bandar Seri Begawan sa-hingga ka-Daerah Belait. Ini termasuk-lah jalan2 raya yang ada di-sekitar Daerah Brunei dan Muara, kecuali jalan2 kecil yang di-bawah jajaan Jabatan Daerah.

Di-antara 290 batu itu, Bahagian Jalan Raya Jabatan itu telah mengusahakan sa-jauh 230 batu telah di-bubuh dengan aspal. Ini bermaana hanya tinggal 60 batu sahaja lagi yang maseh merupakan champoran batu, tanah dan pasir, tetapi sa-bahagian-nya telah di-sembor dengan minyak tar. Dan kira2 10 batu di-antara-nya ia-lah jalan raya yang di-bena dari simin.

Berikutan dengan lain2 projek pembangunan yang sedang berjalan ranchak, maka sa-tengah2 jalan raya telah mengalami kerosakan di-sana sini terutama sekali di-sekitar Bandar Seri Begawan. Dengan keadaan yang ada sekarang, maka jalan2 raya itu hanya di-jalankan usaha2 pemeliharaan-nya sa-hingga projek2 pembangunan seperti saloran2 ayer kotor dan penanaman kibal selesai di-laksanakan dengan chukup memuaskan.

Untuk memulihkan keadaan jalan2 raya yang rosak ini telah pun di-ranchangkan dan ia-nya hanya menunggu pelaksanaan-nya saja lagi ia-itu sa-sudah benar2 sempurna pembaikan saloran ayer kotor dan penanaman kibal itu.

Jalan2 raya yang di-ranchangkan untuk di-bubuh aspal mula itu ia-lah jalan2 besar dari Bandar Seri Begawan ka-Seria, Jalan Berakas, Jalan Muara dan pemuliharaan jalan di-sekitar Bandar Seri Begawan.

Tahun demi tahun, Jabatan Kerja Raya telah memikul tanggung-jawab yang semakin luas terhadap pembaikan dan pemeliharaan jalan raya di-seluruh negeri. Ini ada-lah menurut sa-bagaimana yang telah menjadi hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk memberikan kemudahan2 perhubungan kepada seluruh rakyat negeri ini bagi kepentingan untuk meningkatkan taraf hidup dan meluaskan perusahaan rayayat.

Dalam tahun 1968, Jabatan Kerja Raya hanya bertanggung-jawab ka-atas sa-panjang 254.61 batu jalan2 raya di-seluruh negeri. Tetapi sa-hingga tahun 1971 yang baru lalu itu ia-nya telah meningkat sa-hingga 290 batu berikutan dengan ada-nya pembaikan jalan2 baru di-Daerah Brunei-Muara dan Belait bagi kemudahan2 projek pembangunan negara.

Tetapi jumlah itu tidak termasuk pembaikan jalan2 baru di-Daerah Temburong yang panjang-nya kira2 40 batu.

Di-sabalek pembaikan dan pemeliharaan jalan2 raya di-seluruh negeri itu di-antara peranan2 yang penting ia-lah yang di-pikul oleh bahagian pengeluaran aspal Jabatan Kerja Raya (Berakas Depot) berhampiran dengan lapangan terbang Berakas.

Bahagian ini boleh di-katakan menjadi "nyawa" ka-atas penyempurnaan pembaikan jalan2 raya itu.

Dari Berakas Depot ini, jika kerja dapat di-jalankan terus menerus tanpa sa-harang gangguan kerosakan jentera, ia-nya boleh mengeluarkan aspal sa-banyak 250 tan sa-hari dan dapat di-bubuh ka-dalam jentera yang di-gunakan pada masa ini bagi pembaikan sa-panjang kira2 2,000 kaki jalan raya.

Champoran aspal bagi tiap2 sa-lah masak mengikut darjah jalan raya yang di-kehendaki dan yang selalu-nya di-pakai mengandungi sa-banyak 900 paun pasir, 1,500 paun batu halus, 1,800 paun batu kasar dan 14 gilin bitumen (pit). Batu kasar dan paun batu halus, 1,800 paun batu kasar dan 14 gilin bitumen yang banyak-nya halus itu ada-lah dari jenis granite yang di-bekalkan dari Singapura yang banyak-nya kira2 3,000 tan pada tiap2 bulan. Bahan2 pengeluaran aspal itu mempunyai kira2 100 orang pekerja.

Yang menjadi tumpuan pengusahaan untuk membubuh aspal pada masa ini ia-lah di-sepanjang Jalan Kota Batu sa-hingga ka Mentiri dan terus ka-simpang Jalan Muara.

Sa-bahagian besar dari jalan2 itu telah pun selesai di-bubuh aspal. Kerja2 mem-bubuh aspal itu telah berakhir pada 10 Januari, 1972. Kenderaan2 pada masa ini telah pun di-benarkan melintasi jalan raya baru itu.

Dengan usaha2 yang akan di-laksanakan itu, maka Brunei tidak hanya akan mempunyai jalan2 raya yang panjang, tetapi juga mempunyai kedudukan dan sistem aspal yang chukup terator dan mendatangkan keselamatan kepada tiap2 pengguna jalan raya.




Pekerja2 terpaksa menghadapi hawa yang terlalu panas pada sa-tiap kali aspal di-bubuh. Keadaan itu memang perkara yang biasa bagi menjamin pematatan dan kekukuhan jalan2 raya itu.

Jentera pemasak aspal di-Berakas Depot yang kelihatan dalam gambar ini boleh mengeluarkan aspal sa-banyak kira2 250 tan sa-hari jika tidak berlaku sa-barang Kerosakan. Kelihatan di-atas landasan yang panjang ini ia-lah batu granite untuk di-hantar ka-dalam kawah pemasak dengan champoran2 pasir2 dan bitumen (pit).



Pengiran Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman, Pengawas Kecil bahagian pembaikan jalan2 raya ia-lah orang yang selalu kelihatan sebok pada sa-tiap kali dan di-mana saja pemubuhan aspal itu di-laksanakan.



Pemandu jentera pembubuh aspal ini ia-lah Haji Nasir bin Bakar, sa-orang yang sudah mempunyai pengalaman dan biasa menghadapi bahang panas. Beliau tidak menafikan dari merasa kepanasan dari bahang aspal dan jentera itu, tetapi kerana sudah biasa maka ia-nya tidak menjadi masalah. Begitu juga dengan rakan2 sa-kerja-nya yang lain.

Jentera perata juga mengambil peranan yang penting untuk men-sehentikan dan mengukuhkan kedudukan aspal di-atas jalan2 raya.

SATU rombongan sa-ramai 12 orang penghulu2, ketua2 kampung dan tuai2 rumah di-Daerah Tutong telah melawat steshen pertanian Luahan pada minggu lalu untuk menyaksikan chara2 pertanian moden. (gambar kanan)

Rombongan itu di-ketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Yunos bin Mahmud.

Mereka telah di-beri penerangan ringkas oleh Penolong Pegawai Pertanian Daerah Brunei/Muara, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Pertanian, Awang Rosli bin Umar dan Penyelia steshen itu sa-belum mereka dibawa melawat ka-sekitar steshen itu.

Mereka juga telah melawat steshen pertanian Kilanas ladang ternakan Jerudong, kolam ikan di-Sungai Jambu dan Pusat Pertanian BSP di-Senaut.

Lawatan itu di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian untuk membolehkan mereka menyaksikan sa-chara dekat chara2 pertanian yang moden.



Pegawai Daerah akan letakkan batu asas mesjid Kg. Salangan

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Ja'afar akan meletakkan batu asas bagi sa-buah mesjid baru di-Kampung Salangan pada hari Jumaat 21 Januari ini.

Setia Usaha jawatankuasa pembenaan bangunan itu, Chegu Mohamad Sa'ad bin Abdul Rashid berkata, bangunan mesjid itu akan menelan belanja kira2 \$4,500.00. Ia-nya akan di-bena di-atas sa-keping tanah sa-luas sa-tengah ekar yang di-dermakan oleh Awang Ludin bin Orang Kaya Ali dari Kampung Salangan.

Wang pembenaan-nya ia-lah hasil kutipan derma dari penduduk2 di-kampung itu dan orang ramai di-negeri ini.

Rekrut2 tinjau kegiatan JHEU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 59 orang rekrut pulis yang sedang menjalani latihan di-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara telah melawat ka-Jabatan Hal Ehwat Ugama pada minggu lalu.

Lawatan itu di-adakan supaya rekrut2 itu mengetahui akan kegiatan2 yang di-jalankan oleh jabatan itu.

Mereka akan juga melawat ka-Balai Bomba pada 25 Januari dan Ladang Ikan, Sungai Jambu pada 16 Februari.

Keputusan penoh pepereksaan trengkas dan menaip

Berikut ini ia-lah keputusan penoh pepereksaan trengkas dan menaip aliran Melayu dan Inggeris. Pepereksaan tersebut telah di-adakan dalam bulan lepas.

TRENGKAS — Peringkat Permulaan:

Abd. Aziz b. Karim 50 psm. C-; Abdullah b. Hj. Abd. Rahman 50 psm. C+; Abdullah b. Matali 60 psm. C-; Ahmad b. Samad 60 psm. C-; Awg. Aji b. Omar 50 psm. C-; Abd. Jalil bin Abd. Gapar 50 psm. C-; Abd. Hamid b. Abd. Rahman 50 psm. C-; Abd. Rahman b. P.D.G. Hj. A. Bakar 60 psm. C-; Asri bin Abd. Rahman 60 psm. C-; Ak. Tengah b. Pg. Sulaiman 50 psm. C-; Dk. Fatimah bte. Pg. Abd. Rahman 50 psm. C-; Dk. Hasnah bte. Pg. Bakar 60 psm. C-; Esai bin Taris 50 psm. C-.

Hajjah bte. Mohd. Jair 50 psm. C-; A. Ismail b. Hj. Tengah 50 psm. C-; Ismail bin Jarudin 50 psm. B+; Mariam bte. Timbang 50 psm. C-; Mohammad Juani bin Lagong 60 psm. C-; Awg. Mashor bin Hj. Matahir 50 psm. C+; Mohdar bin Hj. Ahmad 50 psm. C-; Omar bin Tunjang 50 psm. B-; Rosiah bte. Hj. Md. Daud 50 psm. C-; Sabli bin Jais 50 psm. C-; Salleh bin Ghafar 50 psm. C+.

Saffariah Metassan 50 psm. C+; Sara bte. Hamzah 50 psm. C-; Siti Rabiah bte. Abas 50 psm. C+; Sulaiman bin Karim 50 psm. C-; Sulung bin Bagol 50 psm. C-; Awg. Tengah b. Ahmad 50 psm. A-; Tengah b. Ahmad 50 psm. A- (istimewa).

TRENGKAS — Peringkat Menengah

Abd. Latif bin Bungsu 70 psm. C-; Abdullah bin Hj. Abd. Rahman 80 psm. B+; Ahmad bin Hj. Metassan 80 psm. C-; Ali Hassan bin Awg. Atai 80 psm. C-; Bolhassan bin Bagol 70 psm. C-; Awg. Damit bin Hj. Metassan 100 psm. C-; Awg. Hassan bin Awg. Ahmad 70 psm. C-; Hamdan bin Md. Said 100 psm. C-; Dy. Hapipah Besar 90 psm. C+; Haradiah bte. Ibrahim 70 psm. C-; Jaya bin Ambun 80 psm. C-.

Johari bin Ibrahim 70 psm. C-; A. Magon bin Ghafar 90 psm. C-; Md. Salleh bin Ibrahim 100 psm. C-; Roslin Abd. Hamid 70 psm. C-; Rubiah bte. Gunong 70 psm. C-; Sabullah bin Hakip 70 psm. C-; Tengah bin Ahmad 80 psm. C-; Dy. Usnah/Rosnah bte. Hj. Metassan 70 psm. C-; Zaimah bte. Daud 70 psm. C-.

TRENGKAS — Peringkat Tertinggi

Ak. Bakar b. Pg. Mat Salleh 110 psm. B-; Dk. Rosnah bte. Pg. Bakar 110 psm. C-; Hj. Mohd. Nor bin Haji Jeludin 110 psm. C-; Awg. Ibrahim bin Md. Yusof 130 psm. C-; Awg. Ismail bin Abbas 110 psm. C-; Awg. Kamis bin Tuah 110 psm. C-; A. Magon bin Ghafar 110 psm. C-; Maidin bin Hj. Kasim 110 psm. C-; Morsidi bin Mohamad 110 psm. C-; Norsiah bte. Abd. Jalil 110 psm. B-; Awang Untong bin Nudin 110 psm. C-.

MENAIP — Peringkat Permulaan
Abas bin Ismail C-; Abdullah Hamid bin Hashim C-; Abdul Latip bin Abdullah B-; Abd. Razak bin Ya'akup C-; Abd. Latiff Bungsu B-; Ak. Hj. Md. Yusoff Pg. Hj. Omar Ali C+; Amnah bte. Hassan C-; Aishah bte. Abdul Halim B-; Awang Aji bin Omar C-; Bolhasan bin Bagol B-; Awg. Damit bin Haji Metassan C+; Dk. Fatimah bte. Pg. Ahmad A- (istimewa); Dk. Norsalam Pg. Hj. Omar Ali C-; Dk. Norlaila binte Pg. Penggawa Pg. H.M. Puteh A- (istimewa).

Dk. Normah bte. Pg. Damit C-; Dk. Rokiah bte. Pg. Metassan C-; Dk. Salmah bte. Pg. Abdul Rahman C-; Esai bin Taris A- (istimewa); Fatimah bte. Hj. Ja'afar C+; Fatimah bte. Haji Ludin C-; Dy. Fatimah bte. Salleh B+; Fung Ah Siew C-; Hajjah Hasnah binte Haji Ismail A- (istimewa); Hasnah binte Haji Ahmad C-; Halimah bte. Johan B+; Haradiah bte. Ibrahim C-; Johari bin Ibrahim B+; Jumat bin Matyasin C-; Julaina Ching Teo Hiyu C-; Dy. Kayah bte. Hj. Mohammad C-; Dv. Kula bte. Japar B+; Kawi bin Abd. Kadir B-; Awg. Lakim bin Hj. Tengah C-.

Maimunah bte. Jambol C-; Maimunah bte. Matusin B-; Malai Jamilah bte. Syed Ahmad Hussin C-; Mariam bte. Timbang B-; Masni bte. Daud C-; Mariani Mohd. Ariff B+; Masni Mohd. Yassin C-; Mauludiah bte. Md. Yussop A- (istimewa); Mohammad Juani bin Lagong C-; Mohd. Salleh bin Ahmad A+ (istimewa); Mohd. Yusoff bin Haji Muhammad A-; Md. Taha bin Yasin B-; Miatara bte. Ismail C+; Normah bte. Tahir C+; Normah bte. Abdullah C-; Omar bin Haji Mohammad C-; Rauyah bte. Ahmad C-; Rokiah bte. Taha A- (istimewa); Dv. Rokiah bte. Abu Bakar B-; Rokiah bte. Laman C-; Dv. Rohaya bte. Abdullah C-; Rukiah bte. Mat Noor C-; Dy. Rosni bte. Awg. Chuchu C-; Rosni bte. Bakar C-; Rukiah bte. Md.

Yassin C-; Rubiah bte. Gunong C-; Sabriah bte. Awang Salleh C-; Sabli bin Jais C-; Saidin bin Md. Tumin C+; Saleha bte. Shamsuddin B-; Salbiah bte. Ibrahim B-; Sharifah Rashidah bte. Syed Ahmad Hussain C-; Dy. Siti Lauyah bte. Awang Duak C-; Sitam bte. Hj. Tupok C-; Siti Rabiah Abas B+; Sulung bin Bagol C-; Tengah bin Ahmad C-; Jappar Ongsang C+; Norhana bte. Khatib Hj. Momin C-; Wahab bin Mohd. Rais C-; Yassin bin Timbang C-; Zaimah bte. Daud C-; Zaini bin Tuah C+.

MENAIP — Peringkat Menengah

Abd. Latiff Bungsu C+; Dk. Chuchu bte. Pg. Sulaiman C-; Dy. Hapipah bte. Besar B+; Awg. Ismail bin Abbas C-; Johari bin Abd. Rahman C+; Kawi bin Abd. Kadir B-; Morsidi bin Mohammad C+; Dy. Siti Aishah Hj. Ag. Ibrahim B+; Sgt. Md. Jair Hj. Abd. Wahab A- (istimewa).

MENAIP — Peringkat Tertinggi

Abd. Hamid bin Abd. Rahman C+; Awg. Abu Bakar b. Md. Yassin C-; Ahmed bin Hj. Metassan C+; Asri bin Abd. Rahman C+; Ak. Bakar b. Pg. Mat Salleh C-; Damit bin Hj. Metussin C-; Jamaliah bte. A. Besar C-; Noraini Hj. Md. Jaafar C-; Puspa bin Abdul Karim A- (istimewa); Dayang Rokiah Metudin B+; Rosiah binte Haji Mohammad Daud C+; Rosni bte. Md. Jaafar C+; Sabli bin Yakup C+; Dy. Siti Aishah Hj. Awg. Ibrahim C-; Siti Ramlah bte. Awang Daud C-; Suzanna Rahman Aziz A- (istimewa).

MENAIP INGGERIS — Peringkat Permulaan

Dk. Jamilah bte. Pg. Matarsat C+; Dk. Siti Awa bte. Pg. Idris A (istimewa); Chong Luke Ha A+ (istimewa); Fong Siew Kiok B+; Hamidah binte A. Wahab B+; Hwang Oi Ting C-; Hwang Swee Ting B+; Kwok Mui Chin B-; Law Siew Khim C-; Law Siew Lan B-; Lau Win Jan C-; Lily Lu B+; Ong Kee Bee B+; V. Sarojini B+; Wong Lian Choo C+; Catherine Tan Ah Moi A+; Yee Yoke Ngho C-; Cheong Poh Meng B+; Dk. Ramlah Pg. Ahmad C-; Hilda Agwn B-; Mat Serudin bin Pakar C-.

MENAIP INGGERIS — Peringkat Menengah

Anita Chong Lee Suan C-; Chua Meng Hiang A+ (istimewa); Goh Kim Lian B+; Law Peck Song C-; Lilian Blaydes B; Miss Angaline Premaranjini Gunaratnam C-; Saliha bte. Md. Yusoff B-; Ting Unn Kee B-; Melinda Wong Hiatt Kiat B+; Yap Bee King C-.

744 orang chalun lulus peperiksaan pelajaran dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 744 orang penuntut kelas dewasa telah lulus peperiksaan pelajaran dewasa yang telah di-adakan dalam bulan Disember tahun lepas.

Sa-ramai tiga ratus tujuh belas orang chalun telah lulus dalam tingkatan rendah.

Pechahan bilangan penuntut2 yang lulus dalam peperiksaan itu di-tiap2 daerah ia-lah 231 di-Daerah Brunei-Muara, tiga puluh dua di-Belait, tiga puluh tujuh di-Tutong dan tujuh belas di-Temburong.

Dua ratus lima puluh lima orang chalun telah lulus dalam peringkat menengah yang mana 180 orang dari Daerah Brunei-Muara, 29 dari Belait, 37 dari Tutong dan sembilan dari Temburong.

Sa-ratus tujuh puluh dua orang telah lulus dalam peringkat lanjutan. Pechahan bilangan chalun2 yang telah berjaya dalam peperiksaan itu di-tiap2 daerah ia-lah sa-ratus tiga belas dari Daerah Brunei-Muara, 20 dari Belait, 20 dari Tutong dan 19 dari Temburong.

Peperiksaan itu telah di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa dan telah di-adakan di-tujuh buah pusat peperiksaan di-seluruh negeri.

Bekalan letrik ka-Kampung Puni

BANGAR, TEMBURONG. — Ranchangan bekalan tenaga letrik negara akan di-luaskan sa-hingga ka-Kampung Puni dekat Pekan Bangar, Daerah Temburong apabila kerja2 memasang kawad letrik di-kawasan itu siap.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata kerja2 mendirikan tiang2 letrik di-sepan-

Hujan lebat yang turun pada malam Sabtu telah menyebabkan berapa batang jalan raya, di-Daerah-Muara telah di-lenggelami ayer. Gambar kanan menunjukkan Jalan Berakas berhadapan dengan Pusat Pemanchar Radio ketika mengalami banjir. Jalan raya itu di-tenggelami ayer sa-dalam kira2 2½ kaki dan hanya dapat dilalui oleh kenderaan2 berat sahaja.

Kempen kutip derma untuk Rumah Orang Tua

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait, akan melancarkan kempen, mengutip derma untuk menulong menyelenggarakan Rumah Orang Tua di-Seria.

Sa-pasokan pengutip derma, akan mulai menjalankan kempen itu, pada 1 Februari, dan ia-nya akan di-teruskan hingga 14 Februari.


Sa-masa Tahun Baru China tahun lepas, majlis itu, telah mengutip sa-banyak \$24,150.00 dari pekedai2, sharikat2 perniagaan, dan orang2 perseorangan, di-seluruh negeri ini.

Sementara itu majlis itu juga akan mengadakan temasha jualan murah, pada 5 Februari dan 1 Julai bertempat di-Pusat Belia di-Kuala Belait.

Baru2 ini, majlis tersebut telah menerima sa-keping cek berharga \$3,242.20 dari Kelab Wanita Panaga, wang yang di-kutip oleh ahli2-nya semasa satu temasha jualan, yang di-adakan di-Kelab Panaga.

jang jalan besar di-kawasan itu sedang di-laksanakan dan di-jadualkan siap tidak lama lagi.

Apabila kerja2 memasang kawad letrik itu selesai nanti, Kampung Puni serta rumah2 di-sepanjang jalan besar itu akan mendapat bekalan tenaga letrik yang chakup.



Jawatan2 Kosong

Di-Istana Darul Hana

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang berkelayakan untuk mengisikan jawatan2 di-Istana Darul Hana, Brunei.

1. BABY AMAH
2. AMAH PENCHUCHI
3. TUKANG MASAK.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 40 tahun, mesti-lah mempunyai pengalaman dalam pekerjaan yang berkenaan.

Tugas2:

Chalun2 yang di-pileh akan di-sediakan tempat kediaman mereka di-barrek dalam kawasan Istana. Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas pada siang hari atau malam.

Gaji:

Dalam sukatan berikut:—
BABY AMAH & AMAH PENCHUCHI; F. 1-2-3 EB 4 — \$180x5-240/EB/145x5-260.
(TUKANG MASAK); E. 1-2-3 — \$220x10-350.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan, dan kotrek boleh di-baharu dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkotrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap

berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohonkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kapada-nya tidak lewat dari 22hb. Januari, 1972.

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-banding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-335/EXAM BAR / 350x15-380x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan yang mesti di-penohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salin surat2 akuan dan siji2 kapada-nya tidak lewat dari 3hb. Februari, 1972.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim





SATU majlis bagi meraikan kedatangan 20 orang guru dari Republik Singapura telah diadakan di Dewan Sekolah Menengah Arab Hassana Bolkihah di Jalan Tutong pada minggu lalu. Antara yang turut berucap di majlis itu termasuklah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain (gambar atas). — Gambar JHEU/BP.

Pembinaan jeraya Lamunin / Layong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pembinaan sa-buah jalan raya dari Kampong Lamunin ka-Kampong Layong di-Daerah Tutong sekarang ini sedang dalam pembinaan dan akan siap dalam tahun ini.

Jalan itu merupakan sa-bahagian daripada Rancangan Kemajuan Jalan-raya Negara bagi Daerah Tutong.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kerja Raya berkata jalan raya itu kira2 tiga sa-tengah batu panjang.

Beliau berkata kerja2 menembok, pembinaan jambatan2 dan saluran ayer telah siap, dan di-buboh batu sepanjang lebeh kurang sa-batu.

Juruchakap itu berkata kerja2 pembinaan jalan itu telah terlambat di-sebabkan oleh chuacha yang buruk yang beberapa kali menenggelamkan beberapa kawasan di-mana jalan itu sedang di-bena.

Jalan itu telah memberikan kemudahan bagi pengangkutan jentera2 dan batu bagi Rancangan Ayer Sungai Tutong.

Merinyu Pulis Perchubaaan di-kehendaki

PULIS Diraja Brunei mengkehendaki beberapa orang pemuda yang berkelayakan untuk memenohi jawatan sabagai Merinyu Perchubaaan dalam pasokan itu.

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 19 dan 26 tahun dan mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan. Tinggi tidak kurang dari 5 kaki 4 inchi dan sekurang2-nya lulus pepereksaan LCE aliran Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Chalun2 selalunya di-duga mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh tinggi.

Chalun2 yang terpilih akan menerima gaji pokok sabanyak \$510.00. Mereka di-ke-

184 lulus pereksa Sek. Ugama Rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 184 dari 241 orang murid2 Sekolah Ugama Rendah di-seluruh negeri yang mengambil pepereksaan darjah VI (akhir) telah lulus dalam pepereksaan itu.

Pepereksaan tersebut telah diadakan dalam pertengahan bulan Disember tahun lepas di-pusat2 pepereksaan di-seluruh negeri.

Keputusan pepereksaan itu menunjukkan bahawa sa-ramai enam orang telah mendapat pangkat pertama; 34 orang mendapat pangkat kedua; dan 76 orang mendapat pangkat ketiga.

Sa-ramai 68 orang lagi telah diiktiraf sa-bagai mendapat kelulusan biasa.

Keputusan pepereksaan sa-penoh-nya akan di-siarkan di-ke-luaran minggu akan datang ini.

hendaki menjalani latehan permulaan di-Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei sabagai pegawai kadet. Sa-telah berjaya menamatkan kursus, Merinyu Perchubaaan akan di-tempatkan dalam pasokan2 pulis untuk mendapatkan pengalaman bertugas dan praktikal dan diikuti oleh beberapa latehan salanjut-nya di-pusat itu.

Borang2 permohonan yang boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Pulis Diraja, Gadong mesti-lah di-kembalikan kepada Pesuruhjaya Pulis Diraja Brunei tidak lewat dari 15 Februari, 1972.

Pegawai2 kerajaan yang memohon jawatan ini hendak-lah menghantar permohonan2 mereka melalui ketua2 jabatan yang berkenaan.

HARGA GULA DI-NEGERI INI TIDAK BERUBAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengawal Setor2 dan Perbekalan Negara, Awang A.S. Newn telah mengumumkan bahawa harga gula di-seluruh negeri tidak berubah.

Harga gula di-Bandar Seri Begawan, Muara dan Tutong ia-lah 34 sen sa-kati sementara di-Kuala Belait, Seria dan Temburong 35 sen sa-kati.

Awang Newn berkata orang ramai jangan-lah merasa churiga atas harga gula di-Brunei kerana harga2 itu di-kawal oleh Kerajaan dan pada masa ini ter-

dapat simpanan gula di-Gadong chukup bagi menampung keperluan sa-lama satu tahun.

Jika sekira-nya harga gula terlibat naik di-Bunei pada masa akan datang, satu pengumuman rasmi akan di-ke-luarkan kepada orang ramai oleh jabatan itu.

Awang Newn mengingatkan kepada semua pekedai2 di-negeri ini supaya jangan mengambil kesempatan dengan menaikkan harga gula kepada orang ramai berikutan kenaikan harga gula di-Malaysia Timur dan Malaysia Barat.

Beliau juga meminta kerjasama orang ramai supaya melaporakan kepada Jabatan Setor2 dan Perbekalan Negara jika mereka mendapati pekedai2 menaikkan harga gula yang di-tetapkan oleh jabatan itu.

SA-RAMAI 1967 orang murid sekolah2 Melayu yang lulus pepereksaan masuk ke-sekolah2 persediaan Inggeris Kerajaan telah memulakan persekolahan mereka pada hari Isnin lepas.

Murid2 itu belajar di-semblan belas buah pusat termasuk enam pusat baru, Pusat2 itu, dua di-Daerah Brunei-Muara dan empat di-Daerah Tutong.

Dari jumlah itu, sa-ramai 1,060 orang murid dari Daerah Brunei-Muara; 413 orang dari Daerah Belait; 413 dari Daerah Tutong dan 81 dari Daerah Temburong.

Sementara itu sa-ramai 3,231 orang murid baru masuk belajar di-100 buah sekolah rendah Melayu tahun ini.

Gambar bawah menunjukkan sa-bahagian daripada murid2 yang terpilih itu ketika mendaftarkan diri di-Sekolah Melayu Gadong.



Pesta Kugiran 23 Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Melayu Radio Brunei akan mengadakan Pesta Kugiran dan Bintang Kecil di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada 23 Januari mulai pukul 7.30 malam. Pesta tersebut diadakan bersempena menyambut Hari Raya Haji.

Empat buah kugiran ia-itu

D'Idaman; Perdana; Derma-wisata dan Seri Dianas Five akan mengambil bahagian dalam Pesta Kugiran dan sa-ramai 17 orang kanak2 akan menyertai peraduan Bintang Kecil.

Tikit2 untuk menyaksikan pesta itu sedang di-jual di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.